

Selasa, 7 April 2020 | 6:32pm



KPDNHEP kini memberi tumpuan kepada aktiviti pemantauan bagi menangani isu pembekalan dan barang keperluan harian, sepanjang tempoh PKP. - Foto hiasan

## KPDNHEP terima 1,466 aduan sepanjang PKP

Oleh Muhammad Yusri Muzamir  
[yusri.muzamir@bh.com.my](mailto:yusri.muzamir@bh.com.my)

**KUALA LUMPUR:** Sebanyak 1,466 aduan dan pertanyaan diterima Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan hingga kelmarin.

Daripada jumlah itu, sebanyak 675 aduan membabitkan penutup hidung dan mulut, manakala 108 lagi mengenai pensanitasi tangan.

Pengarah Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP, Datuk Iskandar Halim Sulaiman, berkata pihaknya kini memberi tumpuan kepada aktiviti pemantauan bagi menangani isu pembekalan dan barang keperluan harian, sepanjang tempoh PKP.

Beliau berkata, keseluruhan pemantauan itu dilakukan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 (AKB 1961) dan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 (AKHAP 2011).

Selain itu, katanya, sebanyak 65 notis kepada peniaga dikeluarkan mengikut Seksyen 21 AKHAP 2011, bagi mendapatkan maklumat berkaitan harga, kos atau untung bagi barang tertentu.

"Sehingga kelmarin, sebanyak 1,035 pemeriksaan sudah dilakukan, masing-masing 770 di peringkat peruncit, pemborong (240) dan pengilang di enam negeri (25).

"12,917 premis topeng muka, masing-masing 12,697 di peringkat runcit manakala borong (220) diperiksa, sejak 29 Januari lalu hingga kelmarin. Terdapat 34 kes iaitu 28 daripadanya adalah kesalahan menjual melebihi harga maksimum ditetapkan.

"Kita melakukan pemantauan khusus bagi topeng muka dan pensanitasi tangan, selain pembekalan 23 barang lain terpilih di peringkat pengilang, pemborong dan peruncitan," katanya kepada BH, hari ini.

Iskandar berkata, KPDNHEP negeri turut diarahkan untuk membuat kawalan kendiri bagi pekedai yang menjual topeng muka bagi memastikan ia tidak dijual dengan kuantiti banyak kepada pelanggan dalam satu transaksi.

"Kawalan kendiri ini juga bagi memastikan pekedai mematuhi perundangan ditetapkan KPDNHEP. Kita juga mewujudkan pasukan petugas khusus memantau rantaian pengedaran barang keperluan.

"KPDNHEP juga melantik pemborong dan peruncit di daerah terpilih sebagai pusat pembekalan bagi memastikan barang keperluan mencukupi," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, barang lain yang tiada penetapan harga masih boleh diperiksa atau disiasat mengikut perundangan pencatutan di bawah AKHAP 2011.

"Pencatutan berlaku jika peniaga cuba menaikkan harga secara mendadak dengan kenaikan terbabit melebihi kelayakan untung bagi barang dijual dalam suatu tahun semasa.

"Kenaikan harga barang tidak semestinya mencatut tetapi ia akan disiasat secara menyeluruh terlebih dahulu sebelum peniaga disabitkan kesalahan terbabit," katanya.

#### **Info: Antara 23 barang terpilih di peringkat pengilang, pemborong dan peruncitan**

- \* Minyak masak
- \* Tepung gandum
- \* Biskut
- \* Sardin
- \* Ayam
- \* Makanan sejuk beku
- \* Sayur

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/674262/kpdnhep-terima-1466-aduan-sepanjang-pkp>